AD DAWLA AL ISLAMIYYA FIL IRAQ WA ASH SHAM (DAESH) @ ISLAMIC STATE IN IRAQ AND SYRIA; SEJARAH PENUBUHAN DAN EVOLUSI

Abu Musab Al Zarqawi
Pengasas Daesh

Abu Muhamad al Maqdisi
Pengasas Daesh

Siapakah Pengasas DAESH @ ISIS?

Daesh @ ISIS diasaskan oleh seorang pemuda dari Jordan iaitu Abu Musab Al Zarqawi atau nama sebenarnya Ahmad Fadhil Nazzal al Khalaylah bersama seorang tokoh salafi iaitu Abu Muhamad al Maqdisi pada tahun 1994 semasa mereka berdua dipenjarakan di Swaqa, Jordan.Abu Musab dilahirkan dibandar Zarqa, Jordan. Ketika umur beliau 18 tahun, dia sudah diberhentikan dari sekolah. Abu Musab mempunyai latar belakang yang tidak menunjukkan beliau seorang yang berwatak baik mahu pun terdidik dengan ajaran salafi dari kecil kerana Abu Musab adalah seorang bekas penjenayah, perogol, samseng, pernah di penjara 2 kali kerana kesalahan dadah dan serangan seksual, gangster jalanan di bandar Zarqa, kaki *bully*, penagih tegar alkohol, malah beliau mempunyai sebuah pusat pelacuran di bandar Zarqa, Jordan.

Mengikut kenyataan Setiausaha Negara AS, Collin Powell dalam ucapan bersejarahnya di Majlis Keselamatan PBB pada 2003, beliau telah menyatakan bahawa Abu Musab Al Zarqawy telah direkrut oleh CIA dan beliau menunjukkan perubahan sikap serta orientasi agama yang drastik setelah menyertai jihad di Afghanistan pada tahun 1989. Abu Musab bukanlah seorang tokoh agama mahu pun seorang tokoh salafi. Beliau hanya mendalami dan mempelajari agama dari Abu Muhamad Al Maqdisi seorang tokoh Salafi (mentor beliau semasa dalam penjara) di Swaqa, Jordan (1993-1999). Dia dilatih oleh Abu Hafs al Masri atau lebih dikenali sebagai Muhamad Atef iaitu orang No 3 dalam Al Qaeda di Kem Sa'ada, Afghanistan. Disinilah fahaman Salafi Jihadi meresap kepada beliau.

Abu Musab dan Abu Muhamad kemudiannya menubuhkan "*Bayat Al Imam*" yang kemudiannya menjadi Daesh @ ISIS pada hari ini. Abu Musab adalah seorang yang memegang aliran Salafi yang ekstrem. Matlamat utama beliau ialah menarik golongan Syiah ke dalam perang saudara di Iraq dan membangkitkan semangat golongan Sunni untuk berperang dengan Syiah. *Trademarks* Abu Musab adalah memenggal kepala tawanan dan musuh. Daesh @ ISIS

sememangnya adalah *'brainchild'* Abu Musab bermula dari penubuhan '*Bay'at Al Imam*' semasa dalam penjara di Swaqa pada tahun 1994.

EVOLUSI DAESH/ISIS DARI 1994 -2017



- 1994 - Sejarah penubuhan DAESH @ ISIS dimulakan dengan penubuhan **Bay'at Al Imam**oleh Abu Musab Al Zarqawy dan guru beliau iaitu seorang tokoh Salafi, Abu Muhamad Al Maqdisi semasa kedua-duanya dipenjarakan di Swaqa, Jordan.

- 1999 –Abu Musab dan Abu Muhamad Al Maqdisi dibebaskan dari penjara Swaqa, Jordan. **Bay'at Al Imam** bertukar menjadi- **Jama'at al Tawhid wal Jihad** (JTWJ).

- 1999 - 2001 –Abu Musab kembali ke Afghanistan dan menubuhkan ***Jundu Al Sham*** bersama 300 pengikutnya di Kem Herat, Afghanistan.

- 2001 – Afghanistan di serang oleh tentera bersekutu dan Abu Musab bersama pengikutnya memasuki kawasan pergunungan di Iran dan bergabung dengan Kumpulan Ansar Al Islam seterusnya memasuki Iraq pada 2003.

- 2003 – Abu Musab berjuang bagi pihak Al Qaeda di Iraq (AQI) melawan pendudukan AS.

- Okt 2004 - JTWJ bertukar nama menjadi **Al Qaeda in Iraq** (AQI). Seterusnya Abu Musab berbaiah kepada Osama.

- Jan 2006 - Abu Musab satukan 5 kumpulan lain iaitu **Jaish at Taifha al Mansoura**, **Katbiyan Ansar al Tauhid wal Sunnah**, **Saray al Jihad**, **Briged al Ghuraba dan Al Ahwal Briged**) dan **AQI** menjadi ***Mujahideen Shura Council*** (MSC).

- 7 Jun 2006 – Abu Musab terbunuh dalam serangan udara AS dan kepimpinan MSC bertukar kepada Abu Ayub al-Masri juga dikenali sebagai Abu Hamza al Muhajir.

- Okt 2006 - Abu Ayub al-Masri menukar MSC menjadi ***Islamic State Of Iraq***(ISI) dan melantik Abu Omar Al-Baghdadi yang juga dikenali sebagai Hamed Dawood al Zawy (bekas pegawai Polis di era Saddam Hussien). Abu Omar Al-Baghdadi adalah Khalifah pertama kepada ***Islamic State of Iraq*** **(ISI)**. Inilah Khilafah yang pertama ditubuhkan di Iraq, juga dikenali sebagai "proto – caliphate".

- April 2010 - Abu Ayub Al-Masri (Menteri Penerangan ISI) dan Abu Omar Al Baghdadi (Khalifah ISI) terbunuh dalam serangan udara dan kepimpinan bertukar kepada Abu Bakar Al Baghdadi yang mana nama sebenarnya adalah Abu Dua @ Ibrahim bin Awwad Al Badry Al Sammarra dari Baghdad.

- April 2013 - Abu Bakar Al-Baghdadi menyerang utara Iraq dan bergabung dengan pemberontak di Syria lalu menubuhkan ***Al-Nusra Front (Jabhat Al Nusra)***pimpinan Abu Muhammad Al Jawlani.

- April 2013 - Al-Baghdadi menukar ISI kepada ***Islamic State Of Iraq And The Levant*** **(ISIL)** untuk menggambarkan penubuhan sebuah Khilafah (Caliphate)yang merangkumi Iraq, Syria, Jordan, Lubnan, Palestin, Israel, Cyprus, Hatay di Selatan Turki dan Semenanjung Sinai, Mesir.

- 29 Jun 2014 – Pada hari pertama Ramadhan 1435 Hijrah, Abu Bakar Al Baghdadi mengisytiharkan penubuhan *Islamic State* (IS) dan melantik dirinya sendiri sebagai Khalifah (Caliph) sehingga ke hari ini.

- Feb 2017 – Wilayah yang dikuasai oleh Daesh @ ISIS semakin merosot dan kini hanya tinggal bandar Mosul di Iraq dan bandar Raqqa di Syria yang menjadi benteng terakhir Daesh @ ISIS. Kejatuhan kedua-dua bandar ini akan melenyapkan *Khilafah Islamiyah* ciptaan Daesh @ ISIS yang mereka isytiharkan pada tahun 2014.

APAKAH IDEOLOGI DAESH @ ISIS

Ideologi Daesh @ ISIS berkonsepkan:

- Literal.
- Anti filosopi dan anti kepada perbahasan.
- Anti kebudayaan.
- Anti *nomian* (menolak untuk menerima kebenaran tradisional).
- Dalaman yang tidak stabil (kerana tiada sistem periksa dan imbang).
- Fahaman ini adalah agresif dan represif.
- Pemikiran, sikap dan tindak tanduk yang ganas dan bengis.
- Memupuk perasaan benci bukan sahaja terhadap *kafir harbi* tetapi juga sesama umat Islam.
- Tidak ragu-ragu untuk mengkafirkan orang Islam yang bertentangan pendapat dengan mereka.

SIAPAKAH SEBENARNYA KUMPULAN DAESH @ ISIS?

- Mereka adalah pengikut Salafi Wahabi atau lebih dikenali sebagai golongan Neo Wahabi (wahabi baru).

- Daesh @ ISIS dipelopori oleh bekas pemimpin tentera/polis di zaman Saddam Hussein yang kecewa kerana disisihkan, kehilangan pekerjaan dan pencen.

- Daesh @ ISIS hanya menggunakan pejuang asing untuk berjuang bagi pihak mereka.

- Daesh @ ISIS hanya ingin mendapatkan kuasa politik dan mengawal sumber hasil di Iraq dan Syria dan matlamat akhir mereka adalah politik.

- Daesh @ ISIS menggunakan jihad dan 'utopia' Khilafah Islamiyah untuk mengaburi mata umat Islam.

- Daesh @ ISIS menggunakanplatform agama untuk tujuan politik.

- Daesh @ ISIS mengambil kesempatan atas situasi politik di Iraq dan Syria.

- Daesh @ ISIS bukan pihak yang berjuang untuk rakyat Iraq atau Syria.

- Daesh @ ISIS ditubuhkan untuk memenuhi aspirasi politik individu tertentu dan ia tiada kena mengena dengan menegakkan Khilafah Islamiyah.

- Daesh @ ISIS adalah legasi Al Qaeda.

- Daesh @ ISIS bukan kumpulan yang mempertahankan golongan Sunni.

Disediakan oleh: Lt Kol Dr Zulkarnain bin Haron

Direktorat Anti Keganasan, BSPP